

# Port Dickson penyumbang utama perikanan negeri

HM 9/10/24 PG 18

**Port Dickson:** Port Dickson adalah penyumbang kepada pengeluaran utama perikanan negeri bagi 2023 dengan jumlah tangkapan mencecah 502.6 tan bernilai keseluruhan RM10.42 juta.

Pengarah Perikanan Negeri Sembilan Kasim Tawe berkata, spesies ikan 'demersal' (habitat di dasar laut) seperti sembilang, kerapu dan pari paling banyak di perairan itu, meliputi 259.89 tan metrik berbanding 179.97 tan metrik bagi spesies pelagik (talang, tenggiri, senangin, alu-alu).

Beliau berkata, sejumlah RM49,800 peruntukan pembangunan disalurkan kepada Pejabat Perikanan

negeri bagi memperkasa-kan sumber perikanan se-dia ada menerusi Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan bagi Perolehan Perkakasan dan Peralatan Peranti Pengumpulan Ikan (Unjam).

"Ada 480 nelayan Zon A dan 359 kapal berdaftar di daerah ini. Aktiviti me-nangkap ikan di sini, akan menjadi lebih baik dengan adanya unjam. Unjam ada-lah peranti pengumpul ikan digunakan oleh nelayan pantai bagi membantu ope-rasi penangkapan ikan dan perikanan rekreasi," kata-nya kepada media pada Ma-jlis myUnjam 2024 Bersama Komuniti Nelayan Bagan Pinang, di pantai Bagan Pi-nang di sini, semalam.